بِسْمِ اللهِ الرَّحْمنِ الرَّحِيْمِ

# ANALISA *IKRAR* DI BAWAH PERINTAH KETERANGAN MAHKAMAH SYARIAH, 2001: KE ARAH PENGUATKUASAAN PERINTAH KANUN HUKUMAN JENAYAH SYARIAH, 2013

**HARDIYATIE BINTI KAHAR**
**14MR601**

TESIS YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA UNDANG-UNDANG

**FAKULTI SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG**
**UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Zulkaedah 1438 / Ogos 2017**

# PENYELIAAN

**ANALISA *IKRAR* DI BAWAH PERINTAH KETERANGAN MAHKAMAH SYARIAH, 2001: KE ARAH PENGUATKUASAAN PERINTAH KANUN HUKUMAN JENAYAH SYARIAH, 2013.**

**HARDIYATIE BINTI KAHAR**
**14MR601**

**Penyelia:** **Dr Sulaiman Dorloh**

**Tandatangan:** ____________________________ **Tarikh:**________________

**Dekan Fakulti:** **Dr Hajah Masnooraini binti Haji Mohiddin**

**Tandatangan:** ____________________________ **Tarikh:**________________

# PENGAKUAN

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

Dengan ini saya mengaku bahawa tesis ini adalah hasil daripada kajian saya sendiri, kecuali jika dinyatakan sebaliknya. Saya juga mengaku bahawa tajuk ini tidak pernah diserahkan atau serentak diserahkan secara keseluruhannya kepada mana-mana ijazah lain di Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) atau institusi lain.

| | | |
|---|---|---|
| Tandatangan | : | |
| Nama | : | Hardiyatie binti Kahar |
| Nombor Pendaftaran | : | 14MR601 |
| Tarikh Penyerahan | : | hb Zulkaedah 1438H / hb Ogos 2017M |

## PENGAKUAN HAKCIPTA DAN PENGESAHAN PENGGUNAAN SAKSAMA PENYELIDIKAN YANG TIDAK DITERBITKAN

Hakcipta © 2017 Hardiyatie binti Kahar. Semua hakcipta terpelihara.

**ANALISA *IKRAR* DI BAWAH PERINTAH KETERANGAN MAHKAMAH SYARIAH, 2001: KE ARAH PENGUATKUASAAN PERINTAH KANUN HUKUMAN JENAYAH SYARIAH, 2013**

Mana-mana bahagian penyelidikan yang tidak diterbitkan ini tidak boleh diterbitkan semula, tidak boleh disimpan dalam sistem dapatan semula atau dipindahkan, dalam sebarang bentuk atau dengan apa cara, elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada pemegang hakcipta kecuali seperti yang disediakan di bawah:

1. Apa-apa bahan yang terkandung di dalam atau diperolehi dari penyelidikan yang tidak diterbitkan ini hanya boleh digunakan oleh orang lain dalam penulisan mereka dengan memberi penghargaan yang sepatutnya.

2. UNISSA atau perpustakaannya mempunyai hak untuk melakukan dan memindah salinan (cetak atau elektronik) bagi tujuan institusi dan akademik.

3. Perpustakaan UNISSA mempunyai hak untuk membuat, menyimpan dalam sistem dapatan semula dan membekal salinan kajian yang tidak diterbitkan ini jika diminta oleh universiti-universiti dan perpustakaan-perpustakaan penyelidikan lain.

Disahkan oleh Hardiyatie binti Kahar.

Tandatangan:………………………Tarikh:    hb Zulkaedah 1438H /    hb Ogos 2017M

# PENGHARGAAN

Alhamdulillah, puji dan syukur yang tidak ternilai dipanjatkan kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala atas nikmat masa, kesihatan, tenaga dan peluang yang dipinjamkan kepada saya dalam menyiapkan kajian ini.

Saya ingin melahirkan sepenuh rasa penghargaan dan berbesar hati kepada penyelia tesis saya Dr Sulaiman Dorloh atas segala nasihat dan tunjuk ajar beliau sepanjang penulisan tesis ini. Panduan yang beliau kongsikan banyak membantu saya dalam mengatur dan memperbaiki penulisan tesis ini. Tidak dilupakan juga sumbangan daripada penyelia saya yang terdahulu iaitu Allahyarham Ustaz Haji Mohd Nadzri Yusoff atas sokongan dan bimbingan beliau semasa peringkat awal penulisan kajian ini. Terima Kasih yang tidak terhingga juga kepada Dr. Widad Binti Haji Abdul Aziz atas tunjuk ajar dan bantuan yang beliau berikan ke arah memperbaiki penulisan tesis ini. Saya banyak berhutang budi kepada mereka dan berdoa semoga Allah memberikan ganjaran pahala dan kebaikan di dunia dan di akhirat atas segala jasa dan kebaikan mereka.

Penghargaan dan setinggi-tinggi terima kasih juga saya ucapkan kepada Pakar Perundangan Syariah di Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Hakim di Mahkamah Rendah Syariah yang sudi meluangkan masa untuk berkongsi pandangan dan pendapat mereka berkaitan isu-isu yang saya tanyakan di dalam temubual. Setinggi-tinggi penghargaan juga saya rakamkan kepada pegawai dan kakitangan di Unit Perundangan Islam, Bahagian Pendakwaan Syarie, Bahagian Penguatkuasaan Agama, Jabatan Majlis Ugama Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan pihak Mahkamah Syariah yang berkesudian berkongsi pandangan dan memberikan maklumat dalam sama-sama membincangkan persoalan-persoalan yang saya bangkitkan bagi tujuan kajian ini. Tidak lupa saya menyampaikan ucapan terima kasih kepada mantan Pengarah dan mantan Penolong Pengarah di Unit Perundangan Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama yang banyak memberikan kepercayaan dan tunjuk ajar sepanjang perkhidmatan saya di Unit Perundangan Islam. Ucapan terima kasih juga saya ucapkan kepada pegawai dan kakitangan di perpustakaan Universiti Islam Sultan Sharif Ali dan perpustakaan Kolej Universiti Perguruan Ugama yang memberikan bantuan dan layanan yang baik. Tanpa kerjasama daripada semua pihak yang terlibat, sukar untuk saya menyiapkan kajian ini.

Terima kasih yang tidak terhingga juga saya rakamkan kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Hal Ehwal Ugama yang telah memberikan peluang kepada saya, melalui Skim Latihan Dalam Perkhidmatan, untuk membuat kajian di Universiti Islam Sultan Sharif Ali ini. Semoga dengan kajian ini, saya dapat memberikan sumbangan kepada Jabatan saya khususnya dan kepada Negara Brunei Darussalam yang tercinta amnya.

Akhir sekali, saya mengucapkan penghargaan setulus kasih kepada suami, anak-anak, babah dan bapa serta ahli keluarga dan rakan-rakan yang mendoakan dan memberikan galakan serta sokongan kepada saya dalam menyiapkan kajian ini. Hanya kepada Allah dipohonkan balasan pahala yang berlipat ganda atas segala kebaikan yang diberikan.

# ABSTRAK

## ANALISA *IKRAR* DI BAWAH PERINTAH KETERANGAN MAHKAMAH SYARIAH, 2001: KE ARAH PENGUATKUASAAN PERINTAH KANUN HUKUMAN JENAYAH SYARIAH, 2013

Penguatkuasaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 yang memperuntukkan kesalahan-kesalahan *hadd* dan *qisas* membuka lembaran baru dalam perundangan Negara Brunei Darussalam dan membawa bersamanya cabaran yang tersendiri. Justeru, bagi memastikan undang-undang keterangan yang menjadi sandaran dalam melaksanakan Perintah ini jelas dan komprehensif, kajian ini akan mendalami kedudukan dan konsep *ikrar* sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Perintah Keterangan Mahkamah Syariah, 2001. Pendekatan kajian ini ialah dengan menganalisa struktur Perintah Keterangan Mahkamah Syariah, 2001 dan mengupas peruntukan-peruntukan yang berkaitan dengan tafsiran *ikrar,* syarat-syarat *ikrar,* kesan penerimaan *ikrar* ke atas tertuduh yang ber*ikrar* dan ke atas rakan sejenayahnya*,* serta kesan penarikan balik *ikrar* bagi mengenalpasti kekeliruan dan permasalahan yang mungkin timbul di sebalik peruntukan undang-undang tersebut. Di samping itu, kajian juga akan meneroka kebolehterimaan *ikrar* yang tidak mencukupi syarat atau mengandungi *shubhah* untuk menjadi keterangan bagi mensabitkan hukuman *ta'zir*. Bagi memahami maksud sebenar peruntukan-peruntukan di bawah Perintah Keterangan Mahkamah Syariah, 2001, selain dari merujuk kepada perbincangan hukum fiqh oleh penulis kontemporari, rujukan juga dibuat kepada Akta Keterangan (Penggal 108) dan Akta Keterangan Mahkamah Syariah, (Wilayah-wilayah Persekutuan), 1997 yang merupakan rujukan undang-undang semasa penggubalan Perintah Keterangan Mahkamah Syariah, 2001 ini. Di samping itu, kajian akan melihat perlaksanaan *ikrar* semasa penyiasatan, pendakwaan dan perbicaraan di Mahkamah Syariah untuk memahami amalan pengendalian *ikrar* dalam sistem pentadbiran jenayah syariah. Diharap kajian ini akan dapat mengenalpasti peruntukan-peruntukan berkaitan *ikrar* di bawah Perintah Keterangan Mahkamah Syariah, 2001 yang memerlukan pindaan, penyesuaian atau tambahan bagi melengkapi dan memastikan Perintah ini jelas, selaras dengan *Hukum Syara'*, di samping kekal relevan dan praktikal terutamanya ke arah menguatkuasakan kesalahan-kesalahan *hadd* dan *qisas* dalam fasa kedua penguatkuasaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013.

# ملخص البحث

## تحليل الإقرار تحت نظام المحاكم الأدلة في الحكومة الشرعية 2001 : نحو تنفيذ قانون العقوبات بالقانون الجنائي الشرعية 2013

إن تنفيذ القانون العقوبات بالقانون الشرعية 2013 التي تنص على جرائم الحدود والقصاص قد تعين إلى نغمة جديدة في الإعداد القانوني لبروني دارالسلام ، ويجلب معه تحديات خاصة بها . وبالتالي لضمان الوضوح الشمولية عن النظام المحاكم الأدلة التي هي العمود الفقري وراء تنفيذ هذا القانون ، سيقوم في هذه الدراسة البحث الموقف ، ومفهوم الإقرار المكتوبة عند النظام المحاكم الأدلة في الحكومة الشرعية 2001 ، أما المنهج الدراسة الذي يتعهد هذا البحث فمن خلال تحليل هيكل النظام المحاكم الأدلة في الحكومة الشرعية 2001، ومن خلال تمحيص الأحكام فيه التي تتصل بتعريفات الإقرار وشروطه وأثر قبوله كأدلة ضد المتهمين الذين يجعل المقر وشريكه في الجريمة ، فضلا عن تأثير سحب الإقرار، بغية تحديد المشاكل والبلبلة التي قد تنشأ عنها . وبالإضافة إلى ذلك ستستكشف هذه الدراسة أيضا مقبولية الإقرار التي لا تتم الشروط أو يحتوي على الشبهة لاستخدامها كأدلة لإثبات التعزير . ولنعلم على أهداف النظام المحاكم الأدلة في الحكومة الشرعية 2001 ، بجانب الرجعة إلى آراء الفقهاء ، كذلك نراجع إلى قانون الإثبات (الفصل 108) وقانون المحاكم الأدلة الشرعية للأقاليم الاتحادية 1997 ، التي استخدمت كمصدر الأساسي في صياغة النظام المحاكم الأدلة في الحكومة الشرعية 2001 الآن . و بالإضافة إلى ذلك ستشهد في هذه الدراسة استخدام الإقرار خلال مراحل التحقيق والملاحقة والمحكمة في محاكم الشرعية، لفهم كيفية ممارسات الإقرار تحت نظام الإدارة الجنائية الشرعية. فمن المأمول أن هذه الدراسة سوف تكون قادرة على تحديد الأحكام المتعلقة بالإقرار تحت النظام المحاكم الأدلة في الحكومة الشرعية 2001 ، التي تحتاج إلى التعديلات أو تكييفات بالإضافة إلى إكمال النظام وضمان واضحة أحكامها ، قي انسجام مع الأحكام الشرعية ، فضلا عن تظل موافقة في العلم والعمل لا سيما نحو إنفاذ جرائم الحدود والقصاص بموجب المرحلة الثانية من تنفيذ القانون العقوبات الشرعية 2013.

# ABSTRACT


## ANALYSIS OF *IKRAR* UNDER SYARIAH COURTS EVIDENCE ORDER, 2001: TOWARDS IMPLEMENTATION OF SYARIAH PENAL CODE ORDER, 2013

The enforcement of Syariah Penal Code Order, 2013 which provides *hadd* and *qisas* offences sets a new tone in Brunei Darussalam's legal setting and brings with it challenges of its own. Thus to ensure the clarity and comprehensiveness of the law of evidence which is the backbone behind the implementation of this Order, this study will research the position and the concept of *ikrar* as provided under Syariah Courts Evidence Order, 2001. This approach that this research undertakes is by analyzing the structure of Syariah Courts Evidence Order, 2001 and by scrutinizing the provisions therein which relate to interpretation of *ikrar*, conditions of *ikrar*, effect of admissibility of *ikrar* as evidence against the accused who makes *ikrar* and against his accomplice in crime, as well as the effect of retraction of *ikrar*, in order to identify problems and confusion which may arise from such provisions. In addition, this study will also explore the admissibility of *ikrar* which lacks any of the conditions or contains *shubhah,* to be used as evidence to secure conviction in *ta'zir* offences. In order to appreciate the intention behind the provisions under Syariah Courts Evidence Order, 2001, besides referring to Islamic jurisprudence by contemporary authors, reference is also made to Evidence Act (Chapter 108) and Syariah Courts Evidence Act (Federal Territories), 1997 , which have been used as a source of reference in drafting Syariah Courts Evidence Order, 2001. In addition, this study will examine the use of *ikrar* during the stages of investigation, prosecution and trial in the Syariah Courts to understand the manner how *ikrar* is being practised under the syariah criminal administration system. It is hoped that this study will be able to identify relevant provisions under Syariah Courts Evidence Order, 2001 which require amendments, adaptations or addition to complete the Order and to ensure its provisions are clear, in harmony with *Hukum Syara'*, as well as continue to remain relevant and practical especially towards enforcing *ixad* and *qisas* offences under the second phase of the implementation of Syariah Penal Code Order, 2013.

# KANDUNGAN


| KANDUNGAN | HALAMAN |
|---|---|
| Pengesahan Penyeliaan | iii |
| Pengakuan | iv |
| Pengakuan Hakcipta | v |
| Penghargaan | vi |
| Abstrak | vii |
| ملخص البحث | viii |
| Abstract | ix |
| Kandungan | x |
| Senarai Rajah | xvi |
| Senarai Kes | xviii |
| Transliterasi | xxi |
| Singkatan | xxv |
| Pendahuluan | 1 |
| Bab 1: Konsep *ikrar* di bawah Perintah Keterangan Mahkamah Syariah, 2001. | |
| 1.1 Pendahuluan. | 20 |
| 1.2 Latar belakang sejarah penggubalan Perintah Keterangan Mahkamah Syariah, 2001. | 21 |

1.2.1 Struktur dan kandungan Perintah Keterangan Mahkamah Syariah, 2001. 25

1.3 Tafsiran *ikrar* di bawah Perintah Keterangan Mahkamah Syariah, 2001. 28

1.3.1 Hak yang diakui. 30

1.3.2 Kaedah *ikrar*. 33

1.3.3 Orang yang membuat *ikrar*. 39

1.3.4 Keadaan-keadaan *ikrar* dibuat. 42

1.4 Latar belakang perbandingan *ikrar* di bawah Perintah Keterangan Mahkamah Syariah, 2001 dengan pengakuan di bawah Akta Keterangan, Penggal 108. 43

1.4.1 Tafsiran pengakuan dan pengakuan salah di bawah bawah Akta Keterangan, Penggal 108. 45

1.4.2 Perbezaan *ikrar* dengan pengakuan dan pengakuan salah di bawah Akta Keterangan, Penggal 108. 49

1.5 Kesimpulan. 55

Bab 2: Kedudukan pembuktian melalui *ikrar* di bawah Perintah Keterangan Mahkamah Syariah, 2001.

2.1 Pendahuluan. 57

2.2 Kedudukan *ikrar* di bawah Perintah Keterangan Mahkamah Syariah, 2001 57

2.2.1 Perbandingan struktur kandungan Perintah Keterangan Mahkamah Syariah, 2001 dengan struktur Akta 60

Keterangan, Penggal 108.

2.2.2 Kedudukan *ikrar* sebagai fakta berkaitan *(qarinah)*. 65

2.2.3 Kedudukan *ikrar* sebagai keterangan. 74

2.3 Beban Pembuktian di bawah Perintah Keterangan Mahkamah Syariah, 2001. 81

2.4 Tahap pembuktian di bawah Perintah Keterangan Mahkamah Syariah, 2001. 90

2.4.1 Tahap pembuktian menurut *Hukum Syara'*. 90

2.4.2 Permasalahan berkaitan dengan tahap pembuktian. 96

2.5 Kesimpulan. 99

Bab 3: Syarat *ikrar* dan kesan *shubhah* dalam membuktikan kesalahan di bawah Perintah Keterangan Mahkamah Syariah, 2001.

3.1 Pendahuluan. 102

3.2 Syarat-syarat *ikrar*. 102

3.2.1 *'Akil* 106

3.2.1.1 *Ikrar* seorang yang tidak sempurna akal kerana gila. 107

3.2.1.2 *Ikrar* seorang yang tidak sempurna akal disebabkan mabuk. 112

*3.2.2 Baligh* 115

3.2.2.1 Perkaitan *baligh* bagi maksud penerimaan *ikrar* dan tanggungjawab jenayah. 116

(i) Kedudukan *ikrar* kanak-kanak yang 117

belum *mumaiyiz*.

(ii) Kedudukan *ikrar* kanak-kanak yang sudah *mumaiyiz* tetapi belum *baligh*. 119

(iii) Kedudukan *ikrar* kanak-kanak yang sudah *baligh* tetapi belum *mukallaf*. 126

3.3 *Shubhah* dalam *ikrar*. 128

3.3.1 *Shubhah* menurut *Hukum Syara'*. 128

3.3.2 Kes-kes berkaitan *shubhah* dalam *ikrar* di Mahkamah Syariah. 133

3.3.3 Peruntukan yang berkaitan dengan *shubhah* atau *ikrar* yang tidak memenuhi syarat di bawah Perintah Keterangan Mahkamah Syariah, 2001. 137

3.4 Kesimpulan. 143

Bab 4: Kesan *ikrar, ikrar* rakan sejenayah dan implikasi penarikan balik *ikrar* di bawah Perintah Keterangan Mahkamah Syariah, 2001.

4.1 Pendahuluan. 144

4.2 Kesan *ikrar* ke atas pembuat *ikrar*. 144

4.2.1 Beberapa persoalan berkaitan kesan *ikrar* ke atas pembuat *ikrar*. 149

4.2.1.1 *Ikrar* seorang yang bukan Islam. 149

4.2.1.2 Kesan aduan mangsa rogol (*zina bil-jabar)* – adakah terjumlah sebagai *ikrar* melakukan *zina*. 156

4.2.1.3 Kesan keengganan isteri melakukan *li'an* – 163

adakah terjumlah sebagai *ikrar* melakukan *zina*.

4.3 Kesan *ikrar* tertuduh bersama atau rakan sejenayah. 164

4.3.1 Perbezaan kedudukan *ikrar* tertuduh bersama dan keterangan rakan sejenayah di bawah Perintah Keterangan Mahkamah Syariah, 2001. 166

4.3.2 Perbandingan *ikrar* rakan sejenayah dengan kedudukan pengakuan tertuduh bersama di bawah Akta Keterangan, Penggal 108. 170

4.4 Penarikan balik *ikrar*. 173

4.4.1 Penarikan balik *ikrar* di bawah Perintah Keterangan Mahkamah Syariah, 2001. 174

4.4.2 Penarikan balik *ikrar* di bawah *Hukum Syara'*. 179

4.4.2.1 Kebolehterimaan penarikan balik *ikrar*. 180

4.4.2.2 Kesan penarikan balik *ikrar*. 181

4.5 Kesimpulan. 184

Bab 5: Pelaksanaan *ikrar* dalam pentadbiran undang-undang syariah di Negara Brunei Darussalam, rumusan dan cadangan.

5.1 Pendahuluan. 185

5.2 Pentadbiran kes-kes jenayah di Brunei Darussalam. 185

5.2. 1 Penyiasatan. 187

5.2.1.1 Permasalahan mengenai *ikrar* yang dibuat di hadapan Pegawai Penguatkuasa Agama. 193

i. Bilangan dan jantina saksi. 193

ii. Status saksi. 194

iii. Kesan *ikrar* di luar Mahkamah. 198

5.2. 2 Pendakwaan. 199

5.2.2.1 Polisi Pendakwaan. 202

5.2.2.2 Permasalahan mengenai pemakaian *ikrar*. 204

i. Penilaian *ikrar* sama ada menurut kehendak Perintah Keterangan Mahkamah Syariah, 2001 atau Kanun Peraturan Jenayah, Penggal 7. 204

ii. Pertindihan kesalahan-kesalahan bagi pendakwaan di bawah Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013. 207

5.2. 3 Perbicaraan. 212

5.3 Rumusan dan cadangan. 220

Bibliografi 231

# SENARAI RAJAH / JADUAL


| NOMBOR | TAJUK | HALAMAN |
|---|---|---|
| Jadual 1 | Fasa-fasa dan peruntukan-peruntukan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 yang dikuatkuasakan. | 3 |
| Jadual 2 | Struktur dan kandungan Perintah Keterangan Mahkamah Syariah, 2001. | 25 |
| Rajah 3 | Komponen di dalam tafsiran *ikrar.* | 30 |
| Jadual 4 | Perbezaan di antara pengakuan dan pengakuan salah. | 47 |
| Jadual 5 | Perbandingan pengakuan di bawah Akta Keterangan, Penggal 108 dan *ikrar* di bawah Perintah Keterangan Mahkamah Syariah, 2001. | 50 |
| Jadual 6 | Perbandingan pengakuan salah di bawah Akta Keterangan, Penggal 108 dan *ikrar* di bawah Perintah Keterangan Mahkamah Syariah, 2001. | 51 |
| Jadual 7 | Perbandingan antara struktur kandungan Perintah Keterangan Mahkamah Syariah, 2001 dan Akta Keterangan, Penggal 108. | 61 |
| Jadual 8 | Perkaitan Fakta. | 66 |
| Jadual 9 | Perbandingan di antara susunan bab di bawah Perintah Keterangan Mahkamah Syariah, 2001 dan Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan), 1997. | 68 |

| | | |
|---|---|---|
| Rajah 10 | Klasifikasi tahap pembuktian menurut *Hukum Syara'*. | 96 |
| Jadual 11 | Ringkasan syarat-syarat umum *ikrar* di bawah bab 23 Perintah Keterangan Mahkamah Syariah, 2001. | 103 |
| Jadual 12 | Ringkasan syarat-syarat tambahan bagi *ikrar* untuk mensabitkan *hadd zina* di bawah bab 24 Perintah Keterangan Mahkamah Syariah, 2001. | 105 |
| Jadual 13 | Pengenaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013. | 150 |
| Rajah 14 | Carta alir pengendalian kes di Bahagian Pendakwaan Syarie. | 201 |
| Jadual 15 | Beberapa kesalahan-kesalahan bertindih di bawah Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 dan Kanun Kesiksaan Jenayah, Penggal 22. | 207 |
| Rajah 16 | Carta alir perjalanan perbicaraan di Mahkamah Syariah. | 218 |

# SENARAI KES

| SENARAI KES | HALAMAN |
|---|---|
| **A** | |
| *Ahmad bin Yahya lwn Pendakwa Mahkamah-Mahkamah Kadi* Kes ulangbicara jenayah No. 2/79 | 54, 147 |
| *Awang Abdullah bin Mohammad Yusof lwn Pendakwa Mahkamah-Mahkamah Kadi* Kes ulangbicara jenayah No. 1/80 | 54, 136, 178 |
| **D** | |
| *Dayang Suriyana binti Haji Abd Hamid lwn Pendakwa Syar'ie* Kes Rayuan Jenayah Bil. MTS/KMJ/BM 01/2007 | 135, 178 |
| *Dayang Zainun binti Haji Mohammad Yusof lwn Pendakwa Mahkamah-Mahkamah Kadi* Ulangbicara Kes Jenayah No 1/81 | 147, 196 |
| **H** | |
| *Haji Rosli bin Haji Ibrahim lwn Pendakwa Syar'ie* Kes Rayuan Jenayah Bil. MTS/RJ/BM 03/2006 | 148 |
| **M** | |
| *Mohd. Yunos Shah lwn Pendakwa Mahkamah Kadi* Kes Rayuan Bil 2/1978 | 133 |
| *Mohammad Deli bin Perak lwn Pendakwa Mahkamah Kadi* Ulangbicara Kes Jenayah No. 2/75 | 169 |
| *Mohamed Yusof v PP* [1983] 2 MLJ 167 | 190 |
| *Muhammad bin Haji Alikhan lwn Pendakwa Mahkamah-Mahkamah* | |

| | |
|---|---|
| *Kadi.* Ulangbicara Kes Jenayah No. 1/75 | 168 |
| *Muhammad Kheairol Sapawie bin Abdul Rahman Angkamat lwn Norazimah binti Hj Md Sanny/ Hj Md Sanih* Kes Rayuan Mal Bil. MTS/RM/BM 01/2007 | 31 |
| **P** | |
| *Palam lwn Public Prosecutor* [1932] MLJ 124 | 135 |
| *Pendakwa Mahkamah-Mahkamah Kadi lwn Abd Rahim bin Abdullah dan seorang lagi* MKB 43/1999 | 190 |
| *Pendakwa Mahkamah-Mahkamah Kadi lwn Dayang Tiawa Binti Samad* Ulangbicara Kes Jenayah No.1/89 | 133, 196 |
| *Pendakwa Syarie lwn Heny Maschuroh dan seorang lagi,* MRHS/I/BM 51/2011 | 215 |
| *Pendakwa Syarie lwn Hj Md Yunus bin Hj Mohd Salleh dan seorang lagi,* MRS/RJ/2/2004 | 191, 193 |
| *Pendakwa Syar'ie lwn Hjh Darul Ain binti Abdullah* MRHS/J/BM 223/2005 | 194 |
| *Pendakwa Syarie lwn Jasriman bin Johari dan seorang lagi* MRHS/J/BM 93&94/2011 | 215 |
| *Pendakwa Syarie lwn Kasim bin Kamsih dan seorang lagi* MRHS/J/BM 197/198 2013 | 213, 214 |
| *Pendakwa Syarie lwn Khairuddin bin Hj Abd Ghafor* MTS/JEN/36/2006 | 213 |
| *Pendakwa Syarie lwn Sulastri Binti Haji Basir dan Abd Latif bin* | 17, 44, 88, 169, |

| | |
|---|---|
| *Jumaat @Jamahat* Kes Rayuan Jenayah Bil: MTS/R/JEN/2/2002 | 193, 195, 198, 206 |
| *Pendakwa Syar'ie lwn Nurdayanah binti Abdullah @ Dolly Anak Laman* Kes Semakan Jenayah Bil. MTS/PKMRS/2/2002. | 54, 134, 161 |
| *Pendakwa Syarie lwn Pg Hj Metusin bin Pg Hashim* MTS/JEN/12/2007 | 213 |
| *Pendakwa Syarie lwn Zaimi bin Hj A. Zahri / Azahari* MTS/J/BM 30/2009, | 213, 214 |
| *Pendakwa Syar'ie lwn Zunaidi bin Abdul Latif & Norhasimah binti Abdullah* Kes semakan jenayah No. 13/2001 | 54 |
| **T** | |
| *Tukina binti Taib lwn Public Prosecutor* [1955] MLJ 24 | 135 |

# TRANSLITERASI

1. Jadual Transliterasi:

| Arab | Roman | Contoh | Transliterasi |
|---|---|---|---|
| ء | ’ | براءة | Barā’ah |
| ب | b | الكتب | al-Kutub |
| ت | t | التشريع | al-Tashrī‘ |
| ث | th | إثبات | ’Ithbāt |
| ج | j | الجنائي | al-Jinā’i |
| ح | ḥ | احكام | Aḥkām |
| د | d | عوده | ‘Awdah |
| ذ | dh | الذمة | al-Dhimmah |
| ر | r | القادر | al-Qādir |
| ز | z | يزال | Yuzāl |
| س | s | سابق | Sābiq |
| ش | sh | شك | Shak |
| ص | ṣ | الأصل | al-Aṣlu |

| | | | |
|---|---|---|---|
| ض | ḍ | ضعيف | Ḍaʿīf |
| ط | ṭ | القرطبي | al-Qurṭubi |
| ظ | ẓ | ظن | Ẓann |
| ع | ʿ | على | ʿAla |
| غ | gh | الغالب | al-Ghālib |
| ف | f | في | Fi |
| ق | q | البقاء | al-Baqā'u |
| ك | k | كان | Kāna |
| ل | l | مجلة | Majallah |
| م | m | المعتمد | al-Muʿtamad |
| ن | n | السنة | al-Sunnah |
| ه/ة | h | عدلته | ʿAdillatuh |
| و | w | وهم | Waham |
| ي | y | يقين | Yaqīn |

2. Vowel Pendek:

| Arab | Roman | Contoh | Transliterasi |
|---|---|---|---|
| ـَ | a | كتب | kutiba |
| ◌ِ | i | علِم | ʿalima |
| ـُ | u | غُلب | ghuliba |

3. Vowel Panjang:

| Arab | Roman | Contoh | Transliterasi |
|---|---|---|---|
| ـَا \ ى | ā | بَاب \ كبرَى | Bāb / kubrā |
| ◌ِ ي | ī | وكِيل | wakīl |
| ـُو | ū | علُوم | ʿulūm |

4. Diphthong:

| Arab | Roman | Contoh | Transliterasi |
|---|---|---|---|
| ـَوْ | aw | قَوْل | qawl |
| ـَيْ | ay | نَيْل | nayl |
| يَ | iyy | شافعيَة | Shāfiʿiyyah |
| وَ | uww | قوَة | quwwah |

Walaubagaimanapun, terdapat beberapa perkataan yang tidak mengikut kaedah transliterasi seperti di atas iaitu perkataan-perkataan Bahasa Arab yang digunakan dalam Perintah Keterangan Mahkamah Syariah, 2001, Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 serta di bawah peruntukan undang-undang yang dirujuk di salam penulisan ini. Ejaan bagi perkataan-perkataan tersebut adalah sebagaimana diperuntukkan di bawah masing-masing undang-undang tersebut. Contoh perkataan-perkataan tersebut adalah seperti berikut:

| BIL. | ROMAN | ARAB |
|---|---|---|
| 1) | *Ikrar* | إقرار |
| 2) | *Syahadah* | شهادة |
| 3) | *Syahid* | شاهد |
| 4) | *Bayyinah* | بينة |
| 5) | *Qarinah* | قرينة |
| 6) | *'Adil* | عادل |
| 7) | *Wali-ad-dam* | ولي الدم |
| 8) | *Sariqah* | سرقة |
| 9) | *Hirabah* | حرابة |
| 10) | *Zina* | زنا |
| 11) | *Zina Bil-Jabar* | زنا بالجبر |
| 12) | *Liwat* | لواط |
| 13) | *Qazaf* | قذف |
| 14) | *Irtidad* | إرتداد |
| 15) | *Qisas* | قصاص |
| 16) | *Qatlul-'amd* | قتل العمد |
| 17) | *'Akil* | عاقل |
| 18) | *Baligh* | بالغ |

# SENARAI SINGKATAN

| | |
|---|---|
| Bil. | Bilangan |
| BM | Brunei Muara |
| Ed. | Edisi |
| Hj. | Haji |
| Hjh. | Hajah |
| hlm. | Halaman |
| *ibid* | ion beam induced deposition |
| j | Jenayah |
| JEN | Jenayah |
| Jil. | Jilid |
| MKB | Mahkamah Kadi Besar |
| MLJ | Malayan Law Journal |
| MRHS | Mahkamah Rendah Syariah |
| MRS | Mahkamah Rayuan Syariah |
| MTS | Mahkamah Tinggi Syariah |
| OKML | Orang Kaya Maharaja Lela |
| Pg. | Pengiran |
| PP | Public Prosecutor |
| RJ | Rayuan Jenayah |
| SJ | Semakan Jenayah |
| TUT | Tutong |
| t.t | tiada tarikh / tiada tahun |
| v | versus |
| - | hingga / ke |
| % | peratus |
| ( ) | kurungan |
| / | atau |

# PENDAHULUAN

Pewartaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 pada 22hb Oktober 2013 mengorak sejarah besar perundangan di Negara Brunei Darussalam, yang menyaksikan hukuman terhadap kesalahan-kesalahan *hadd*[1] dan *qisas*[2] dimartabatkan menjadi sebuah undang-undang Negara di bawah bidangkuasa Mahkamah Syariah. Memetik titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam:

> *Dengan izin Allah jua, Akta Perintah ini, pada hari ini, 22hb Oktober, 2013 mula digazetkan, dan akan mula berkuatkuasa enam bulan selepasnya secara berfasa. Dengan ini Alhamdulillah, pada perintah ini tanggungjawab kita di hadapan Allah telahpun tertunai…Beta berharap, sesiapa juga yang berstatus rakyat dan penduduk negara ini, akan sama-sama berdiri teguh dan berganding bahu dalam mendukung dan mengalu-alukan kelahiran Akta yang bersejarah ini. Tidak diragukan lagi, ia adalah sebahagian dari 'sejarah besar' kita dan Negara.*[3]

Tanggungjawab untuk melaksanakan undang-undang jenayah syariah menurut lunas-lunas yang disyariatkan oleh Allah Subhanahu Wa Ta'ala termaktub dalam Surah al-Maidah: ayat 49.

﴿وَأَنِ احْكُم بَيْنَهُم بِمَا أَنزَلَ اللَّهُ وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَهُمْ وَاحْذَرْهُمْ
أَن يَفْتِنُوكَ عَنۢ بَعْضِ مَا أَنزَلَ اللَّهُ إِلَيْكَ﴾

[1] Bab 52(1) Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 mentafsirkan *hadd* sebagai hukuman atau siksaan yang telah ditetapkan oleh Al-Qur'an atau *Sunnah Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam* bagi kesalahan *sariqah, hirabah, zina, qazaf*, meminum minuman yang memabukkan dan *irtidad*.
[2] Bab 118 Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 mentafsirkan *qisas* sebagai hukuman balas balik atau hukuman yang serupa bagi kesalahan *qatlul-'amd* atau menyebabkan kecederaan badan ke atas seseorang.
[3] Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berkenan mengisytiharkan perwartaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 bersempena dengan perasmian Majlis Ilmu pada 17hb Zulhijjah 1434H bersamaan 22hb Oktober, 2013M.

> *Maksudnya: Dan hendaklah engkau menetapkan hukum antara mereka mengikut apa yang telah diturunkan oleh Allah dan janganlah engkau mengikut hawa nafsu mereka serta berwaspadalah terhadap mereka supaya mereka tidak memesongkan engkau daripada sebahagian apa yang telah diturunkan Allah kepadamu.*[4]

Dalam memastikan kelancaran penguatkuasaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 ini, Majlis Ugama Islam Brunei selaku pihak berkuasa tertinggi berkaitan ugama Islam telah bersepakat agar Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 dilaksanakan secara berperingkat dengan membahagikan kepada 3 fasa. Fasa pertama telah mula dikuatkuasakan pada 01hb Mei 2014 yang lalu iaitu bagi kesalahan-kesalahan yang boleh dikenakan hukuman denda atau penjara. Fasa kedua akan bermula setelah 12 bulan Perintah Kanun Peraturan Jenayah Mahkamah Syariah diwartakan iaitu bagi penguatkuasaan kesalahan-kesalahan yang membawa kepada hukuman *hadd* atau *qisas*, yang tidak melibatkan hukuman mati. Fasa ketiga pula akan bermula selepas 24 bulan dari perwartaan Perintah Kanun Peraturan Jenayah Mahkamah Syariah yang akan menyaksikan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 dikuatkuasakan sepenuhnya (termasuk penguatkuasaan hukuman mati) .[5]

Peruntukan-peruntukan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 yang dikuatkuasakan dalam fasa-fasa ini diringkaskan dalam Jadual 1 seperti berikut:

[4] Mushaf Brunei Darussalam Dan Terjemahannya, Pusat Da'wah Islamiah, cetakan pertama, 2014.
[5] Lihat Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 – Peruntukan yang dikuatkuasakan (Fasa Pertama).

Jadual 1:

Fasa dan peruntukan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 yang dikuatkuasakan.

| FASA | PERUNTUKAN YANG DIKUATKUASAKAN |
|---|---|
| 1) Fasa Pertama.<br><br>Setelah enam (6) bulan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 diwartakan. | Semua kesalahan am dalam Bahagian IV Penggal IV, kecuali yang membawa kepada hukuman mati atau sebatan di bawah Penggal ini. |
| 2) Fasa Kedua.<br><br>Setelah dua belas (12) bulan dari tarikh Perintah Kanun Peraturan Jenayah Mahkamah Syariah diwartakan. | Termasuk kesalahan-kesalahan di dalam Bahagian IV Penggal I, II dan III yang boleh dikenakan hukuman *hadd, qisas, diyat, arsy* dan *badal al-sulh* kecuali yang membawa kepada hukuman mati. |
| 3) Fasa Ketiga.<br><br>Setelah dua puluh empat (24) bulan dari tarikh Perintah Kanun Peraturan Jenayah Mahkamah Syariah diwartakan. | Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 dikuatkuasakan sepenuhnya termasuk perlaksanaan hukuman mati. |

Sumber: Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 – Peruntukan yang dikuatkuasakan (Fasa Pertama).

Perlaksanaan undang-undang secara berfasa ini bertujuan untuk memberi ruang kepada pengamal undang-undang dan agensi-agensi yang berkenaan untuk mendalami dan mempersiap-siagakan persediaan dan kemampuan ke arah melaksanakan undang-undang Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 bagi menepati tujuan penggubalannya iaitu bagi memelihara kesejahteraan dan keadilan bagi individu mahupun masyarakat. Penguatkuasaan secara berperingkat ini juga diharapkan dapat memberi ruang untuk menangani kewahaman atau kesalahfahaman yang mungkin timbul. Dengan adanya penghayatan yang jelas dan keyakinan mengenai kehebatan perundangan syariah,

keindahan Perintah ini diharapkan dapat dipertahankan dan terhindar daripada kesalahfahaman.[6]

Kerjasama dan komitmen semua pihak yang terlibat sama ada dari agensi perundangan atau penguatkuasaan adalah menjadi tunggak utama ke arah merealisasikan kejayaan perlaksanaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 ini. Memetik titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam:

> *Kewajipan kita semua di hadapan Allah dalam perkara perundangan sudahpun kita sempurnakan dan tinggal sahaja lagi peranan masing-masing, terutama agensi-agensi yang berkaitan, hendaklah melaksanakannya dengan penuh tanggungjawab, amanah dan berhemah.*[7]

Antara peranan utama agensi perundangan ialah memastikan bahawa undang-undang yang menjadi pelengkap kepada penguatkuasaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 dikemaskinikan bagi memastikan keselarasan undang-undang tersebut. Yang Berhormat Datin Seri Paduka Hajah Hayati Binti Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Paduka Haji Mohd Salleh, Peguam Negara, menjelaskan tiga pindaan yang dibuat bagi mengisi keperluan dan kelancaran perlaksanaan fasa pertama Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 telahpun mendapat titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.[8] Undang-undang yang dipinda ini adalah seperti berikut:

---

[6] Prakata Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam di dalam buku yang diterbitkan sempena Majlis Pengisytiharan Penguatkuasaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013.

[7] Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bersempena Majlis Pengisytiharan Penguatkuasaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013.

[8] Lihat 'Ceramah penerangan khas mengenai dengan penguatkuasaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 bagi fasa pertama' oleh Peguam Negara sempena Majlis Pengisytiharan Penguatkuasaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah, 2013 pada Hari Rabu 30hb, Jamadilakhir, 1435 / 30hb April, 2014.

1) Perintah Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah (Pindaan), 2014 - pindaan ini bagi meningkatkan bidangkuasa jenayah bagi Mahkamah Rendah Syariah dan juga bidangkuasa rayuan bagi Mahkamah Tinggi Syariah.

2) Perintah Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah- Mahkamah Kadi (Pindaan), 2014 - pindaan adalah berkaitan dengan pemakaian Kanun Peraturan Jenayah, Penggal 7 dan *Hukum Syara'* bagi prosiding jenayah di Mahkamah Syariah sebelum penguatkuasaan undang-undang peraturan jenayah khusus bagi Mahkamah Syariah yang masih dalam proses penggubalan.

3) Perintah Keterangan Mahkamah Syariah (Pindaan), 2014 – pindaan adalah bagi mengemaskinikan undang-undang keterangan di Mahkamah Syariah yang berjalan pada masa ini.

Pindaan-pindaan ke atas Perintah Keterangan Mahkamah Syariah, 2001 dibuat antaranya bertujuan untuk meluaskan pemakaian skop keterangan bagi kesalahan-kesalahan *qisas* kerana peruntukan sedia ada hanya memperuntukkan keterangan khusus bagi kesalahan *hadd* sahaja. Walaubagaimanapun, pindaan ini belum menyeluruh dan masih terdapat ruang untuk meneliti peruntukan-peruntukan lain bagi melihat keperluan dan kesesuaian bagi meminda bab-bab yang berkenaan.[9]

Justeru itu, sebelum melangkah lebih jauh ke arah penguatkuasaan fasa-fasa yang melibatkan kesalahan *hadd* dan *qisas*, pengkaji berharap dapat mengupas *ikrar*[10] sebagai salah satu kaedah pembuktian yang amat penting bagi mensabitkan kesalahan *hadd* dan *qisas* berdasarkan nilai keterangannya yang tinggi dan bersifat muktamad serta mengikat diri pembuat *ikrar* tersebut.[11] Pengkaji percaya bahawa kajian berkenaan *ikrar* wajar dititikberatkan dan diperhalusi bagi memastikan pemakaiannya adalah selaras dengan *Hukum Syara'* dan praktikal untuk dilaksanakan.

---

[9] Maklumat diperolehi melalui perbincangan bersama pegawai di Unit Perundangan Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

[10] Bab 20 Perintah Keterangan Mahkamah Syariah, 2001 mentakrifkan *ikrar* sebagai pernyataan seseorang tentang sesuatu hak orang lain ke atasnya yang dibuat secara lisan, tulisan atau isyarat dan yang dibuat oleh mana-mana orang dan di dalam mana-mana keadaan yang disebutkan kemudian daripada ini.

[11] Bab 22 Perintah Keterangan Mahkamah Syariah, 2001 memperuntukkan bahawa *ikrar* adalah suatu bukti yang muktamad.

# BIBLIOGRAFI

***Al-Qur ān al-Karīm***

Mushaf Brunei Darussalam Dan Terjemahannya, Pusat Da'wah Islamiah, cetakan pertama, 2014.

**Hadith**

Al-Baihaqī. (t.t). *Sunan al-Ṣaghīr*. Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah. Jil. 3.

Al-Baihaqī. (2003). *Sunan al-Kubrā*. Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah. Jil.8.

Summarized *ṣaḥiḥ al-Bukhāri (Arabic-English). (*Penterjemah. Dr. Muhammad Muhsin Khan) Dar-us-Salam Publications. Riyadh, Saudi Arabia.

Terjemah Al-Lu'lu' wal Marjan. Kumpulan Hadith Sahih Bukhari Muslim. (Penterjemah. Muhammad Fuad Abdul Baqi). (2012). Pustaka Nuun.

**Rujukan Buku**

Syafi'i Abu Abdullah Muhammad bin Idris. (2008). *Ringkasan Kitab Al-Umm*, (Penterjemah. Imron Rosadi). Buku 2, Jilid 3-6, Penerbit Buku Islam Rahmatan. Pusataka Azzam.

ʿAbd al-Qādir ʿAwdah. (1993). *Al-Tashrīʿ Al-Jināʾī Al-Islāmī.* Resalah Publishers.

Wahbah Zuḥailī.(1989). *Al-Fiqh al-Islāmī wa 'Adillatuh*. Damsyik: Dār al-Fikr.

Muḥammad Zuḥailī. (2010). *Al-Muʿtamad fi al-Fiqh al-Shāfiʿī.* Damsyik: Dār al-Qalam.

Sayyid Sābiq. (1997). *Fiqh al-Sunnah*. Ed.3. Beirut: Dār al-Kutub al-'Arabī.

*Majallah al-Aḥkām al-ʿAdliyyah*.

Anwarullah. (2010) *Principles of Evidence in Islam*. A.S. Nordeen

Anwarullah. (2004). *Islamic Law of Evidence.* Pusat Dakwah Islamiah. Brunei Darussalam.

Mahmud Saedon A. Othman. (2003). *An Introduction to Islamic Law Of Evidence.*

Augustine Paul. (2003). *Evidence, Practice And Procedure*. ed.3. Malayan Law Journal.

Sudipto Sarkar & V R Manohar. (1999). *Sarkar on Evidence.* Ed: 15$^{th}$. Wadhwa and Company Law Publisher, New Delhi, India Peter

M.R.Zafer.(2004).*Law of Evidence in Malaysia.* International Law Book Services.

James Stephen. (1936). *A Digest of The Law of Evidence*. Mac Millan, London.

Murphy. (2009). *Murphy on Evidence*.

S.Mahmassani, *Falsafat al-Tashri` fi- al Islam*, The Philosophy of Jurisprudence in Islam, (trans. Farhat J. Ziadeh), 1987, Hizbi, Selangor, Malaysia

Abdur Raḥmān I. Doi. (1994). *Non-Muslims under Shariah (Islamic Law).* A.S Nordeen.

Mimi Kamariah. (1999). *Criminal Procedure in Malaysia*. 3rd edition. University of Malaya Press.

Shamrahayu A Aziz. (2011) *Criminal Procedure in the Syariah Courts*. Sweet & Maxwell Asia. Thomson Reuters.

Mohammad Hashim Kamali. (2008). *Shari'Ah Law:An Introduction.* Oneworld Publications.

Mohammad Hashim Kamali. (2000). *Punishment in Islamic Law. An Enquiry into the Hudud Bill of Kelantan*. Ilmiah Publishers, Kuala Lumpur.

Haji Awang Abdul Aziz bin Juned. (2013) .*The Shari'ah Penal Code: An Introduction. State Mufti's Office*. Borneo Printers & Trading Sdn Bhd. Brunei Darussalam.

Abdul Muin Abdul Rahman. *Witnesses in Islamic Law of Evidence*. Pelanduk Publications. Cetakmurni Sdn. Bhd.

Abdul Qader 'Oudah Shaheed. *Criminal Law of Islam.* Vol.4. International Islam Publishers. Karachi.

Mahmud Saedon A. Othman (1991). *Undang-Undang Keterangan Islam.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

Abdul Aziz bin OKML Haji Yussof. (2006). *Perintah Keterangan Mahkamah Syariah, 2001 dan Akta Keterangan Brunei (108): Satu Perbandingan*. Pusat Dakwah Islamiah.

Abdul Monir Yaacob.(1995). *Undang-Undang Keterangan dan Prosedur di Mahkamah. Institut Kefahaman Islam Malaysia* (IKIM).

Haji Johar Haji Muhammad. (2014). *Syahadah dalam Undang-Undang Jenayah Islam dan perbandingannya dengan Perintah Keterangan Mahkamah Syariah, 2001*. Pusat Penerbitan. Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.

Wahbah Zuḥailī. (1999). *Fiqh dan Perundangan Islam, terjemahan Al-Fiqh Al-Islami Wa Adillatuh*, Jilid VI. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.

Abdul Karim Zaidan. (1997). *Sistem Kehakiman Islam*, Jil. 2. Pustaka Haji Abdul Majid, Kuala Lumpur, Malaysia.

Abdul Rahman Mustafa. (1988). *Prinsip-Prinsip Undang-Undang Keterangan Islam: Satu Pendekatan Perbandingan.* Al-Rahmaniah.

Sidi Ahmad Abdullah. (1998). Pembuktian dan Keterangan dalam Undang-Undang Islam, Rujukan Khusus kepada *Qarinah*. Penerbit Universiti Malaya.

Al-Khatib Al-Syarbaini. (2006). *Fikih Jenayah Mugni Al-Muhtaj*. Terjemahan oleh Tim Manar Azhar. Bin Halabi Press. Thailand.

Abu Mazaya Al-Hafiz, Abu Izzat Al-Sahafi. (2004). *Fiqh Jenayah Islam.* Al-Hidayah Publishers.

Sayed Sikandar Shah Haneef. (2003). *Undang-Undang Keterangan Islam.*Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

S. Mahmassani, *Kes-Kes Kehakiman Berkaitan Jenayah Hudud, Qisas dan Kekeluargaan di zaman Al-Khulafa' al-Rashidin.* (terjemahan. Md Som Sujimon), (2009), IIUM Press.

S.Mahmassani, *Falsafat al-Tashri` fi- al Islam,* Falsafah Perundangan Islam, (terjemahan. Mufliha Wijayati), (2009), Al-Hidayah Publication.

Mohammad Akram Laldin. (2008). *Introduction to Shari'ah & Islamic Jurisprudence*. Second Edition. Mashi Publication Sdn. Bhd.

Dato' Hj. Mohamad Shariff bin Hj. Abu Samah & Datin Hjh Asidah binti Hj. Mohd Ali. (2013). *Undang-Undang Jenayah Di Malaysia*. International Law Book Services.

Prosiding Seminar Isu-Isu Kontemporari Dalam Syariah Dan Undang-Undang. Jurnal Undang-Undang Syariah, Bil.1 Tahun 1428/2008. Anjuran Fakulti Syariah dan Undang-Undang Universiti Sultan Sharif Ali. 1432H/2011M.

**Rujukan Jurnal**

Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal.*Undang-Undang Keterangan Islam Menjamin Keadilan.* Jurnal Undang-Undang Syariah, Bil.1 Tahun 1428/2008.

Anwarullah. *Standard of Proof: Offences of Ta'zir and Offences of Hudud.* Jurnal Undang-Undang Syariah, Bil.1 Tahun 1428/2008.

Azmi bin Talib. *Pengakuan, Pengakuan Salah dan Ikrar: Dibezakan.* Jurnal Undang-Undang Syariah, Bil.1 Tahun 1428/2008.

Awang Haji Abdul Aziz OKML Haji Yussof. Perintah Keterangan mahkamah Syariah, 2001 dan Akta Keterangan Brunei (Akta 108): Satu Perbandingan. Jurnal Undang-Undang Syariah, Bil.1 Tahun 1428/2008.

Awang Mohammad Daud bin Haji Ismail. *Masalah dan Cabaran yang Dihadapi dalam Pelaksanaan Undang-Undang Keterangan di Mahkamah Syariah*. Jurnal Undang-Undang Syariah, Bil.1 Tahun 1428/2008.

Paizah Haji Ismail. *Prosedur asas dalam pendakwaan kes hudud*, Jurnal Syariah. Jil. 16. Bil. 1. (2008)

Ruzman Md. Noor. *Pembuktian dalam kes harta sepencarian di Mahkamah Syariah di Malaysia.* Jurnal Syariah, 15:1. (2007)

Ruzman Md. Noor. *Kedudukan Bayyinah, Syahadah Dan Qarinah Dalam Penggubalan Undang-undang Keterangan Islam Di Malaysia*. Jurnal Syariah. Jil. 16. Bil. 2. (2008).

Ruzman Md Noor. *Ulasan Perundangan Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 561).* (2001).

Mohd Nasran Mohammad, Hasanul Basri Abdullah. *Pengakuan Dalam Undang-Undang Keterangan, Isu Syariah Dan Undang-Undang*. Siri 9. (2001).

Wafaa' Yusof & Anita Abdul Rahim. *The Age of Criminal Responsibility from the Perspective of Malaysian Shariah Law.* Asian Social Sciences. Vol. 10, No. 10. (2014)

Ahmad 'Azam Mohd Shariff. *Prosedur Pendakwaan Jenayah Syariah: Analisis ke atas Peruntukan Undang-undang di bawah Akta Prosedur Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 dan Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997.* Jurnal Undang-undang & Masyarakat. (2011).

Haji Sawas Haji Jebat. *Acara Penghakiman*. Jurnal Undang-Undang Syariah Brunei Darussalam. Jil. 3. Bil. 5.Julai-Disember 2003.

Ibrahim Deris. Hanifah Haydar Ali Tajuddin. *Penggunaan Garis Panduan Dan Etika Dalam Penambahbaikan Perjalanan Penguatkuasaan Dan Pendakwaan Kesalahan Syariah*. Kanun. Januari 2015.

Mohd. Nasran Mohammad. *Pengakuan Tanpa Sukarela Serta Kesannya Dalam Undang-Undang Keterangan Islam.* Jurnal Syariah. 9:1 [2001]

Mohd. Akram Bin Shair Mohamed. *Quantum Of Proof When Case For The Prosecution Depends Substantially Or Wholly On Circumstantial Evidence: Irresistible Conclusion Test Or Reasonable Beyond A Doubt Test?* Journal Of Islamic Law Review, Vol. 7, No. 1, June 2011.

Dr. Rashid Ahmad. *Admission/Confession: A Comparative Study Of Islamic And Pakistani Laws Of Evidence.* Interdisciplinary Journal Of Contemporary Research In Business Institute Of Interdisciplinary Business Research May 2012 .Vol 4.No 1.

Mohd. Akram Shair Mohamed. *The Conventional Restrictive And The Modern Liberal Interpretation Of Section 30 Of The Evidence Act.* (2013) 21 IIUMLJ .

Siti Zubaidah Ismail. *Dasar Penguatkuasaan Dan Pendakwaan Jenayah Syariah Di Malaysia: Satu Analisis.* Jurnal Syariah, Jil. 16. Keluaran Khas (2008).

Mohd Munzil bin Muhamad. *Qarinah: Admissibility of Circumstantial Evidence in Hudud and Qisas Cases. Mediterranean Journal of Social Sciences Vol 6 No 2 March 2015.*

Muhammad Fathi Yusof & Ahmad Nazri Mansur. 2014. *Perlaksanaan Undang-undang Jenayah Islam di Kelantan dan Brunei.* Pelaksanaan Kanun Jenayah Syariah: Teori & Realiti, KUIZM Publication.

Luqman Zakariyah. *Confession and Retraction: The Application of Islamic Legal Maxims in Safiyyatu and Amina's Cases in Northern Nigeria.* Journal of Muslim Minority Affairs. Vol. 30, No. 2, June 2010.

**Rujukan Kertas Kerja/Kertas Projek**

Mahmud Saedon Awg Othman. *Undang-Undang Keterangan Mahkamah Syariah: Satu Analisis.*

Text ceramah penerangan khas mengenai dengan penguatkuasaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 bagi fasa pertama oleh Peguam Negara sempena Majlis Pengisytiharan Penguatkuasaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah, 2013.

Awang Salim Bin Haji Besar (2005). *Perkembangan Kehakiman dan Mahkamah Syariah di Brunei Darussalam sejak tahun 1955 hingga sekarang.* Sejarah Penubuhan Mahkamah Syariah Negara Brunei Darussalam.

Awang Haji Sawas bin Haji Jebat. (2005). *Peranan Pegawai Pendakwa.* Sejarah Penubuhan Mahkamah Syariah Negara Brunei Darussalam.

Anwarullah. (2005). *Islamization of Brunei Darussalam Laws.* Sejarah Penubuhan Mahkamah Syariah Negara Brunei Darussalam.

Awang Abdul Hamid bin Bakal (2005). *Perkembangan Undang-Undang Ugama Sejak Tahun 1955 hingga tahun 2004.* Sejarah Penubuhan Mahkamah Syariah Negara Brunei Darussalam.

Hajah Saadiah DDW Hj Tamit. *Pentadbiran Undang-Undang Islam Di Negara Brunei Darussalam Pada Zaman British.* Kertas kerja dalam Seminar Sejarah Brunei III pada 8-9hb Mac 2006 di Negara Brunei Darussalam.

Mohd Altaf Hussain Ahangar. (2016). *Defences under Brunei Syariah Penal Code Order 2013: A Model for Harmonization of Laws.*

Azizah Mohd Rapini. (2015). *Ijtihad Dalam Penggubalan Undang-Undang Keterangan Mahkamah Syariah Di Malaysia : Tumpuan Khusus Terhadap Konsep Syahadah.* Kertas yang dibentangkan dalam Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah Dan Syariah 2015 (IRSYAD2015), Kuala Lumpur, 12-13 Oktober 2015.

Zulfakar Ramlee & Mohd Hisham Mohd Kamal. *(2004).Kesalahan Rogol Dan Sumbang Mahram Dari Sudut Pembuktian Dan Hukumannya Menurut Undang-Undang Islam.* Aikol & Research Centre.

Zulfakar Ramlee. (2015). *Pembuktian Dalam Kes Jenayah Syariah Malaysia: Isu Dan Penyelesaian.*

Zulfakar Ramlee. (2010). *Pendakwaan Jenayah Sihir:Prinsip-Prinsip Pembuktian Dan Akta Keterangan Mahkamah Syariah.* Muzakarah Pakar di Jabatan Mufti Selangor.

Zulfakar Ramlee. *Penglibatan Orang Bukan Islam Dalam Sistem Kehakiman Syariah: Bukan Islam Sebagai Saksi Di Mahkamah Syariah Malaysia.* Kertas kerja yang dibentangkan dalam Simposium Fiqh Masyarakat Bukan Islam di Malaysia pada 23-24 Disembaer 2009.

Zulfakar Ramlee. (2005). *Kesaksian wanita: antara kebolehterimaan dan kebolehpaksaan.*

Assoc. Prof. Dr. Nasimah Hussin & Dr. Majdah Zawawi. *The Application Of The Rule Of "Avoiding Hudud Due To Shubhah" As A Mechanism For Ensuring Justice In The Determination Of Punishments In Islamic Criminal Law* .

Salim Farrar. *The Role of the Defence in Islamic Law*. Sydney Law School. Legal Studies Research Paper .No. 10/42 .May 2010

Abdul Hamid Mohamad . *Pelaksanaan Hudud Di Brunei: Perbezaan Di Antara Brunei Dan Malaysia.* Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) Wacana Perancangan Strategik. 24 Februari 2014 .

Lukman Abdul Mutalib & Wan Abdul Fattah Wan Ismail. *Al-Qarinah: Antara Kekuatan Dan Keperluan Dalam Mensabitkan Kesalahan Jenayah (Zina).*

**Rujukan Undang-Undang**

Perintah Keterangan Mahkamah Syariah, 2001.

Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013.

Akta Keterangan, Penggal 108.

Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi, Penggal 7.

Akta Tafsiran dan Perkara-Perkara Am, Penggal 4.

Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah, Penggal 184.

Kanun Peraturan Jenayah, Penggal 7.

Perintah Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah (Pindaan), 2014 .

Perintah Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah- Mahkamah Kadi (Pindaan), 2014 .

Perintah Keterangan Mahkamah Syariah (Pindaan), 2014 .

Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan), 1997.

Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Selangor, 2003.

Rang Undang-Undang Kanun Jenayah Syariah (II) (1993) 2015 Kelantan.

Enakmen Kesalahan Jenayah (Hudud & Qisas) 2002 Terengganu.

**Tesis & Disertasi**

Zulfakar Ramlee. *The Role Of Al-Qarinah (Circumstantial Evidence) In Islamic Law Of Evidence: A Study Of The Law In Malaysia, With Reference To The Rules And Principles Of English Law'*. Glasgow Caledonian University.

Salwina Binti Sepawi. *'Perbandingan di antara prinsip Undang-Undang Keterangan Islam dengan merujuk kepada Perintah Keterangan Mahkamah Syariah, 2001 dan Akta Keterangan Negara Brunei Darussalam Penggal 108: Tumpuan kajian mengenai prinsip Al-Syahadah'*. Universiti Brunei Darussalam.

Mahani Binti Haji Suhaili. Universiti Brunei Darussalam.

*Al-Iqrār fi al-fiqh al-Islamī.* Universiti Islam Sultan Sharif Ali.

**Rujukan Akhbar**

Pelita Brunei bertarikh 28 Ogos 2014 *'Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah: Kurang Kefahaman Punca Pertikai'*.

Pelita Brunei bertarikh 28 November 2013 '*Taklimat Hukum Kanun Syariah diteruskan elak kekeliruan orang ramai'*.

Pelita Brunei bertarikh 19 Februari 2014 '*Tingkatkan kefahaman Hukum Kanun Jenayah Syar'iah'*.

**Kamus**

*Collins Dictionary of Law*. (1996). Glasgow, Harper Collins.

*Kamus Undang-Undang* Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.

*Kamus Idris al-Marbawi Arab-Melayu*. Juz Pertama. Cetakan Keempat.

*New Oxford English-English-Malay Dictionary Oxford.* Penerbit Fajar Sdn. Bhd.

**Sumber atas talian (*Online Resources*)**

http://www.mumkinalliance.org/wp-content/uploads/2012/05/qanun-e-ShahadatOrder1984.pdf